



Aksi Kelab Nasyid Nahwan Nur ketika persembahan.

# 'Dunia Si Kecil' tambat hari juri

**Fakta nombor**

**17 KUMPULAN**  
Berentap peringkat saringan

**10 KUMPULAN**  
Melangkah ke saingan akhir

Oleh Adidi Tamin  
bhvarsiti@bh.com.my

**Shah Alam**

**K**elab Nasyid Nahwan Nur bawah naungan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM), dinobatkan sebagai johan Festival Nasyid Selangor 2016, baru-baru ini.

Kejayaan itu menyaksikan kelab berkenaan membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000, plak dan sijil.

Presiden Kelab Nasyid Nahwan Nur, Mohammad Aizat Luffi Jailani, berkata persembahan lagu bertajuk 'Dunia Si Kecil' ciptaan Wan Saleh dan lirik oleh Ajie ternyata berhasil menambat hati juri. Beliau berkata, mereka bakal mewakili Selangor ke Festival Nasyid Kebangsaan tidak lama lagi. "Pencapaian ini adalah kejayaan kedua kami selepas memperoleh kemenangan

sama pada tahun 2010. "Kami amat gembira dan bersyukur kerana latihan dijalani selama tiga minggu membuahkan hasil membanggakan.

**17 kumpulan berentap**  
"Diharapkan kami berjaya membuat persembahan terbaik pada pertandingan peringkat kebangsaan nanti," katanya. Festival Nasyid Selangor 2016 anjuran Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menyaksikan 17 kumpulan berentap pada peringkat saringan sebelum 10 daripadanya melangkah ke saingan akhir yang diadakan di SACC Mall di sini.

Kumpulan nasyid dari Universiti Malaysia (UM) yang muncul naib johan menerima wang tunai RM2,000, manakala Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) meraih tempat ketiga dengan hadiah RM1,000, selain plak dan sijil.



Kumpulan nasyid dari UM muncul naib johan.



Kumpulan nasyid dari USIM memenangi tempat ketiga.



Persembahan menarik kumpulan nasyid dari UM.